

# Cabaran Pendakwah Mualaf di Malaysia

## [The Challenge of Mualaf Missionaries in Malaysia]

**BITARA**

Volume 6, Issue 1, 2023: 178-189  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 5 February 2023  
Accepted: 25 February 2023  
Published: 30 March 2023

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Norra Harun<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. e-mail: athiroh@ukm.edu.my

\* Corresponding Author: [athiroh@ukm.edu.my](mailto:athiroh@ukm.edu.my)

### Abstrak

Pendakwah memainkan peranan penting dalam dakwah negara. Seseorang mualaf yang melafazkan dua kalimah syahadah dan menguasai ilmu asas agama Islam serta melibatkan diri sepenuhnya dalam dakwah dikenali sebagai pendakwah mualaf. Pendakwah mualaf adalah golongan minoriti yang terdapat di Malaysia dan memainkan peranan penting dalam dakwah. Dalam sepuluh prinsip Islam Hadhari, hak-hak kepada kumpulan minoriti seperti pendakwah mualaf diberi perhatian. Hak-hak mereka dijamin oleh undang-undang negara. Jaminan tersebut meliputi nyawa, agama, harta, kehormatan dan akal (*Maqasid al-Syariah*). Kajian ini bertujuan membincangkan senario semasa pendakwah dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian kualitatif. Dalam kajian ini, data-data dikumpulkan dalam bentuk data atauuraian adalah menggunakan metode-metode seperti penyelidikan kepustakaan, analisis dokumentasi yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis atau dokumen-dokumen dan menemubual terhadap responden secara bersemuka dan atas talian serta kaedah pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan menghadapi cabaran-cabaran pasca pemeluk Islam seperti cabaran-cabaran spiritual penghayatan agama dan pengajian pendidikan tinggi, cabaran perkahwinan dan kekeluargaan, cabaran psikologi daripada keluarga, keluarga angkat dan masyarakat, cabaran penyesuaian diri, cabaran *role model*, cabaran pertikaian niat konversi, cabaran deraan fizikal dan emosi, cabaran kepincangan prinsip *one door policy*, cabaran salah faham masuk Melayu, Islam itu keganasan serta lain-lain isu. Implikasi kajian ini akan memberi input dan pengetahuan kepada pengkaji dan penggubal dasar untuk pembangunan dan pemerkasaan mualaf di masa hadapan.

**Kata kunci:** Cabaran, pendakwah mualaf

### Abstract

Preachers played an important role in the preaching of the state. The one who has the knowledge of God is the one who has the knowledge of God and the one who has the knowledge of God. Mualaf preachers are a minority found in Malaysia and play an important role in Da'wah. In the ten principles of Hadhari Islam, rights to minority groups such as converts preachers are given attention. Their rights are guaranteed by the laws of the country. These include life, religion, wealth, honor and reason ( *Maqasid al-Shariah* ). This study aims to discuss the current scenario of preachers and the challenges faced. This study was conducted in the form of qualitative research. In this study, the data collected in the form of data or descriptions are using methods such as research literature, documentation analysis consisting of written materials or documents and interviewing respondents face to face and online as well as observation methods. The results showed that post-conversion challenges such as spiritual challenges of religious appreciation and higher education studies, marriage and family challenges, psychological challenges from families, adoptive families and the community, the challenge of adaptation, the challenge of role models, the challenge of disputes over conversion intentions, the challenge of physical and emotional abuse, the challenge of the one door policy principle, the challenge of misunderstanding in Malay, Islam is terrorism and other issues. The

implications of this study will provide input and knowledge to researchers and policymakers for the development and empowerment of converts in the future.

**Keywords:** challenges, missionaries converts

**Cite This Article:**

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Norra Harun. (2023). Cabaran Pendakwah Mualaf di Malaysia [The Challenge of Mualaf Missionaries in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 178-189.

## Pengenalan

Golongan mualaf adalah mereka yang telah dijinakkan hati untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka terdiri daripada mualaf Cina, mualaf India, mualaf Orang Asli dan mualaf Borneo Sabah Sarawak. Sebahagian mualaf turut melibatkan diri dalam dunia dakwah atas dasar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan agama buat diri sendiri seterusnya menjadi pendakwah kepada masyarakat. Di samping itu mereka juga ingin sama-sama mengajak kaum keluarga serta rakan taulan untuk turut sama berada dalam agama yang telah jelas kebenarannya ini. Namun begitu para pendakwah mualaf ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mereka untuk mengajak insan-insan lain ke arah kebaikan itu. Cabaran-cabaran yang di hadapi adalah sama ada secara dalaman maupun luaran.

Merujuk Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah keseluruhan pemeluk Islam bagi setiap negeri adalah sebanyak 89.102 orang. Daripada jumlah tersebut, 20,115 mualaf dari negeri Sabah merupakan jumlah tertinggi mendahului negeri-negeri lain di Malaysia. Hasil daripada pergaulan dan interaksi sesama kaum dalam masyarakat, maka berlaku konversi atau proses memeluk Islam. Selepas melafazkan dua kalimah syahadah, segala tuntutan syarak Islam ditaklifkan ke atas diri mereka mengikut tahap kefahaman dan penguasaan agama mereka. Perkataan mualaf disebut hanya sekali dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60: Firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَدِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ﴾

﴿قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيقَةٌ﴾

﴿مِنَ اللَّهِ وَإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Maksud: " Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana " (Al-Taubah 9: 60 ).

Sabtu tahun berlaku peningkatan pemelukan Islam dan ini sangat memerlukan kepada pendakwah mualaf yang dekat dengan bangsa mereka sendiri agar penyampaian kefahaman tentang Islam dapat disampaikan sebaik mungkin.

Oleh itu cabaran dalam menyampaikan dakwah itu perlu ditangani sebaik mungkin agar kekuatan mental dan emosi para pendakwah mualaf adalah kental supaya mereka terus istiqamah dalam usaha dakwah yang dijalankan.

## **Senario Semasa Perkembangan Pendakwah Mualaf di Malaysia**

Ku Md Ali b. Hj. Ku Ramli (1997), dalam tesisnya yang bertajuk Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan menyatakan bimbingan kepada mualaf perlu dijalankan secara peringkat demi peringkat. Ini bererti masyarakat yang memeluk Islam tidak merasa dalam keadaan terpaksa dan terbeban dalam meninggalkan amalan kebiasaan mereka dan memeluk agama Islam.

Begitu juga statistik mualaf di Malaysia tidak dapat diketahui dengan tepat kerana keselarasan jumlah pengislaman antara sesebuah negeri dengan negeri lain masih dalam proses kemaskini. Jumlah keseluruhan mualaf di Wilayah Persekutuan dari tahun 1980 hingga 1993 ialah seramai 4350 orang daripada 57940 orang jumlah keseluruhan saudara baru di Malaysia pada tahun tersebut (Statistik Sistem Maklumat Islam ( SISMI ), Pusat Islam Kuala Lumpur. Manakala merujuk di laman web <http://www.islam.gov.my/>, statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dari tahun 1994 hingga 2004 iaitu dalam tempoh sepuluh tahun, jumlah mualaf telah meningkat kepada 6695 orang.

Statistik mualaf juga merupakan dokumen penting yang dirahsiakan oleh pihak jabatan agama. Data terkini merujuk Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah keseluruhan pemelukan Islam bagi setiap negeri adalah sebanyak 89.102 orang. Ini menunjukkan peningkatan yang baik dan bimbingan serta perkaderan kepada mualaf perlu dititikberatkan demi kefahaman pengamalan Islam pada pasca pemelukan mualaf.

Pada akhir-akhir ini kesedaran masyarakat mengenai beberapa kepentingan mualaf dalam dakwah Islamiah, telah memberi kesan kepada usaha pembangunan mualaf itu sendiri. Wujudnya pendakwah mualaf ini akan turut mengangkat kredibiliti kelompok mualaf setanding dengan masyarakat Muslim lain.

Pelbagai isu cabaran pendakwah mualaf seperti persoalan faktor memeluk Islam, pertikaian niat suci mualaf memilih Islam sebagai anutan menyebabkan mualaf begitu keliru dan kecewa dengan situasi sedemikian. Setelah memeluk Islam pula, para pendakwah mualaf melalui pengalaman di mana pegangan akidah mereka sering diabaikan oleh segelintir masyarakat Muslim. Layanan yang tidak berhikmah oleh masyarakat sedikit sebanyak memberi tekanan kepada segolongan pendakwah mualaf ini. Pendakwah mualaf ini juga bercita-cita tinggi untuk meninggikan syiar islam di kalangan mereka yang bukan Islam. Oleh itu sokongan oleh semua masyarakat Muslim kepada pendakwah mualaf sangat diperlukan.

Menurut Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin yang ditemubual oleh Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao pada 15 Ogos 2008 memberikan pandangan tentang peranan mualaf dalam kehidupan sosial masyarakat. Mereka digalakkan mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta terus meneruskan hubungan kekeluargaan dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, mualaf boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam. Begitu juga sejak akhir-akhir ini, saudara baru sama ada berbangsa Cina Muslim, India Muslim, Orang Asli Muslim, Kadazan Muslim, Iban Muslim dan Siam Muslim mempunyai kesedaran akan kepentingan mereka dalam dakwah Islamiah. Kepentingan muallaf dalam berdakwah berdasarkan kebolehan berbahasa, pemahaman dalam adat dan budaya bangsa, berpengetahuan dalam pendekatan yang sesuai untuk berdakwah kepada kaum mereka sendiri dan juga mengetahui pantang larang dalam kehidupan. Oleh itu, mualaf dan juga pendakwah-pendakwah perlu berganding bahu dalam memastikan usaha dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan sistematik dan tercapai matlamat dakwah itu sendiri ( Fariza Md Sham, Anuar bin Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao 2008: 2-3 ).

## **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah pendekatan kualitatif. Dalam kajian ini, data-data dikumpulkan dalam bentuk data atau huraihan adalah menggunakan metode seperti penyelidikan kepustakaan, analisis dokumentasi yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis atau dokumen-dokumen dan menemubual terhadap responden secara bersemuka dan atas talian serta kaedah pemerhatian. Data yang diperolehi adalah secara temu bual berstruktur terhadap 33 orang pendakwah mualaf. Responden adalah terdiri dari 6 orang perempuan dan 27 orang lelaki dan mereka berumur dalam lingkungan 20an sehingga 40an. Dalam kajian ini nama responden akan diwakili dengan R1 sehingga R33.

## **Analisis Cabaran Pendakwah Mualaf di Malaysia**

Pada hakikatnya halangan, rintangan serta cabaran pasca kembali kepada Islam dalam kalangan pendakwah mualaf di Malaysia berlaku lantaran sesuatu perubahan atau tindakan pada pemikiran dan kelakuan.

Menurut Faudzinaim Badaruddin (2005: 114), secara umumnya cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mualaf boleh dilihat daripada dua sudut iaitu, cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh mualaf ialah kesan spiritual dan tekanan psikologi sebelum memeluk Islam dan setelah memeluk Islam. Antaranya ialah tekanan spiritual untuk mencari dan memiliki kebenaran dan agama yang benar. Keduanya tekanan ini terkesan melalui bangkangan keluarga sebelum dan sesudah memeluk Islam. Ketiganya tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri dengan mualaf dan seterusnya keperluan untuk menjadikan diri sebagai *role-model* (Faudzinaim Badaruddin 2005: 114-116). Pengalaman pengkaji juga membenarkan

kenyataan yang dikeluarkan oleh Faudzinain kerana ia hampir menepati cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh pendakwah mualaf jika ditinjau dari sudut dalaman. Pengkaji mendapati cabaran motivasi diri pendakwah mualaf pasca kembali kepada Islam turut menjadi isu utama untuk mereka melalui kehidupan sebagai seorang Muslim.

Menurut Faudzinain Badaruddin ( 2005: 117-118 ), cabaran luaran lebih menjurus kepada perkara-perkara yang muncul daripada luar diri mualaf itu sendiri dan sekaligus telah memberi kesan yang amat mendalam. Cabaran-cabaran luaran dapat dilihat daripada persepsi penerimaan masyarakat Islam melalui perkahwinan terutamanya masyarakat Melayu. Mereka mempertikaikan tujuan mualaf memeluk Islam dengan mengandaikan bahawa mualaf memeluk Islam disebabkan faktor perkahwinan. Keadaan ini membuatkan golongan ini merasa sedih dan kecewa. Keduanya tentang yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga mualaf kaum keluarga dan anggota masyarakat yang hampir dengan mereka. Manakala yang selebihnya ialah cabaran dilihat daripada soal bantuan yang ditawarkan kepada mualaf daripada segi kewangan, pekerjaan dan juga tempat tinggal. Di samping itu, mualaf di awal pengislamannya setelah mendapat tentang keluarga dan diberhentikan kerja oleh majikan juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi meringankan beban masalah yang mereka hadapi.

Melihat kepada cabaran-cabaran dalaman serta luaran yang dihadapi oleh mualaf termasuklah pendakwah mualaf maka tidak mustahil mereka juga berkemungkinan besar akan mengalami tekanan daripada segi psikologi seperti kemurungan, kekeliruan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, tekanan (*stress*) dan lebih dari itu ialah hilang akal seperti yang pernah pengkaji temui sebelum ini.

Memetik bahan penulisan dari kertas kerja oleh Fariza Md Sham, Anuar bin Puteh & Nur A'tiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao (2008: 18-22) dalam kertas kerja yang bertajuk Cabaran Saudara Kita: Kajian Dari Aspek Psikologi yang telah dibentangkan dalam Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah pada 24 Januari 2008 di Residen Hotel, UNITEN. Pengkaji menggariskan beberapa tekanan kejiwaan atau cabaran psikologi yang perlu dihadapi oleh mualaf. Maklumat tentang tekanan kejiwaan ini juga berdasarkan pengalaman-pengalaman mualaf yang mendapat bimbingan kelas fardu ain dan khidmat nasihat serta bantuan kebajikan dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Cabaran-cabaran psikologi yang sering dihadapi oleh mualaf termasuk pendakwah mualaf adalah seperti berikut;

## Cabaran Penguasaan Ilmu Agama dan Pendekatan Dakwah

Hasil kajian Norra binti Harun, Nora binti Mat Zin & Nur A'tiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao, 2023 menunjukkan mualaf yang baru memeluk Islam menghadapi beberapa cabaran dalam penguasaan ilmu agama Islam termasuk mencari sumber rujukan dan guru yang dapat mengajar mereka tentang Islam. Ada di antara mereka yang tidak mempunyai akses ke komuniti Muslim yang besar dan berpengalaman termasuk tenaga pengajar atau pusat pembelajaran Islam.

Perkara ini dinyatakan oleh R4 di mana beliau mengatakan tiada tempat rujukan (seperti hidayah centre) atau tenaga pengajar berdekatan yang boleh beliau bersempua bagi bertanyakan apa-apa kemosykilan atau mendapatkan apa-apa informasi tentang Islam. Mualaf juga

menghadapi kesulitan untuk mendapatkan akses yang mudah dan cepat tentang ilmu Islam bagi membimbing mereka. Mereka juga mungkin sukar untuk memperolehi sumber rujukan yang boleh dipercayai. Ini bertepatan dengan pandangan oleh R18 berkenaan kurang bimbingan tentang menjadi penganut Islam yang baik.

Untuk mengatasi cabaran penguasaan ilmu agama, para mualaf boleh mengambil kursus atau kelas ugama secara fizikal atau maya. Pada zaman Covid 19 pandemik ini, terdapat kelas-kelas pengajian agama dijalankan secara atas talian. Terdapat kursus-kursus tentang pengajian Islam yang hanya memerlukan yuran yang sangat minimum dan ada juga kursus yang dijalankan secara percuma seperti mana Sijil Pengajian Islam Mualaf Malaysia (SPIMM) yang telah dianjurkan oleh Dewan Saudara Kita, Majlis Dakwah Negara.

Mualaf juga boleh mencari sumber informasi Islam dari laman web yang dipercayai serta dari pusat pembelajaran untuk membantu mereka mendalami Islam. Pusat-pusat pengajian Islam seperti Hidayah Centre, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Darul Fitrah dan Dewan Saudara Kita, Majlis Dakwah Negara misalnya turut menjalankan kursus-kursus terancang yang boleh memberi manfaat kepada mualaf.

Berkenaan pendekatan dakwah pula, pengkaji merujuk kepada R27, beliau menyentuh tentang berdakwah kepada ahli keluarga sendiri di mana terdapat kesukaran untuk mengajak ahli keluarga sendiri memeluk Islam. Tidak dinafikan berdakwah kepada keluarga sendiri ada kalanya sangat mencabar berbanding berdakwah kepada orang lain. Ini adalah kerana ahli keluarga asal sudah mempunyai pemahaman berbeza dan ada yang sudah meyakini agama yang mereka anuti. Jadi apa yang perlu pendakwah mualaf lakukan adalah berdakwah kepada mereka dengan cara berhikmah dan baik. Pendakwah mualaf hendaklah menghormati pendapat mereka. Berbicaralah secara hikmah dengan mereka dan tidak memaksa mereka menerima pendapat anda.

Sebelum berbicara tentang Islam pastikan pendakwah mualaf sudah mempunyai pengetahuan yang cukup tentang agama itu sendiri. Pendakwah mualaf dinasihatkan menambahkan ilmu pengetahuan agama dengan menghadiri seminar atau kursus. Ilmu agama juga perlu ditambah melalui pembacaan buku-buku agama serta membincangkan topik-topik tentang Islam. Ini adalah penting supaya ilmu tentang Islam yang disampaikan itu adalah benar. Apabila seseorang itu mempunyai ilmu, secara tidak langsung keyakinan diri meningkat. Sekiranya ditanya tentang isu yang kita tidak pasti cara untuk menjawabnya, jangan teragak-agak untuk mengaku serta cuba mendapatkan pendapat mereka yang arif tentang itu. Jangan malu untuk mengaku sekiranya kita tidak tahu kerana itu akan menunjukkan ketulusan dan keikhlasan kita sebagai penganut Islam. Mulakan berbicara topik-topik yang mudah seperti nilai moral dalam Islam dari segi kebaikan dan keburukan dalam kehidupan harian.

Islam itu indah apabila dipamerkan dengan akhlak yang baik. Ini adalah salah satu cara berdakwah yang berkesan. Apabila contoh yang baik ditunjukkan berkemungkinan orang yang didakwahi itu akan tertarik untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih lanjut. Contoh perkara-perkara baik dalam Islam adalah seperti bersedekah, tolong menolong, ziarah menziarahi dan mengeluarkan zakat. Dengan memberikan contoh, sasaran dakwah akan lebih tertarik untuk mengetahui lebih lanjut tentang Islam.

Jangan berputus asa dalam berdakwah. Kemungkinan sasaran dakwah pada awalnya

tidak langsung menunjukkan respons yang baik selepas sentuhan dakwah pertama pendakwah mualaf, namun di masa hadapan mungkin ada sinar hidayah. Berdakwah adalah satu proses yang berterusan. Teruskan berbicara tentang Islam dengan sabar dan penuh hikmah, biarpun ia mengambil masa yang lama. Dalam masa yang sama sentiasa berdoa kepada Allah SWT untuk membuka pintu hati sasaran dakwah kepada Islam.

Fitrah semulajadi manusia berkehendak kepada agama. Tidak kira apa bangsa sekalipun fitrah beragama merupakan agenda utama dalam mengatur kehidupan dunia mereka. Agama Islam merupakan agama yang benar di sisi Allah SWT dan mempunyai garis panduan peraturan hidup yang lurus lagi jelas melalui sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Agama Islam adalah agama yang dibawa oleh para Rasul. Para Rasul telah mengajak manusia ke jalan Allah SWT Mereka telah menyampaikan risalah yang sama dan dakwah yang sama iaitu mengesakan Allah SWT (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan 2005: 77).

Dalam kajian psikologi menunjukkan bahawa dalam diri manusia secara semulajadi mempunyai satu motivasi yang akan mendorongnya mencari kehakikian sesuatu kebenaran sehingga ia berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Dalam soal mencari kebenaran agama, seseorang yang Non Muslim akan membuat analisis dan melakukan penilaian terhadap kebenaran sesuatu agama yang sesuai dengan fitrah semulajadinya. Akhirnya, apabila telah dikenalpasti sesuatu agama yang memberi ketenangan jiwanya, maka ia akan meneruskan pencarian sehingga akhirnya mendapati bahawa agama Islam menepati fitrah semula jadi manusia berkehendakkan ketuhanan yang hak dan beramal dengan ajaranNya sehingga dirinya merasai ketenangan dan kebahagiaan yang mutlak. Sepanjang proses pencarian kebenaran sesuatu agama itu, pendakwah mualaf turut menghadapi situasi kesamaran, ketidakyakinan, kekeliruan dan kesangsian dalam diri mereka yang akhirnya membawa kepada cabaran spiritual dalam pencarian dan menentukan agama yang seiring dengan fitrah semulajadi. Peristiwa ini berlaku kepada Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao yang meminati ajaran Islam sejak di bangku sekolah menengah. Hasil temu ramah dengan salah seorang saudara baru pada Julai 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu saudara Izzud Deen Abdullah @ Rano juga didapati beliau cuba mengenal Islam sebelum melafazkan dua kalimah syahadah. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kisah saudara baru Mohamad Dharmalingam yang memeluk Islam pada 27 April 1979. Beliau ditemuramah oleh Noorzila Jamaludin dari majalah Al-Islam keluaran Disember 1994. Kisah Mohamad Dharmalingam mengecapi nikmat memeluk Islam setelah sekian lama dia mencari kebenaran Islam itu sendiri iaitu sejak dari kecil beliau sering menyebut perkataan " Ahad " dan setelah di bangku sekolah baru beliau faham maksud " Ahad " hasil daripada penjelasan seorang ustaz. Setelah bapanya mengetahui akan minat Mohamad Dharmalingam terhadap Islam, beliau didera dan dihalau dari rumah. Beliau terus merantau mencari ilmu Islam dalam keadaan keluarganya tidak dapat menerima hakikat beliau memeluk Islam.

Lazimnya mualaf termasuk pendakwah mualaf yang mempunyai cita-cita yang tinggi akan meneruskan pengajian di peringkat tinggi dalam penghususan agama. Para mualaf ini akan berusaha untuk mendapatkan pusat pengajian untuk membolehkan mereka merealisasikan impian untuk memiliki sijil dan ijazah. Namun demikian, menurut Muhammad Firdaus Abdullah (2019), kekangan kewangan sedikit sebanyak telah melunturkan semangatnya untuk meneruskan pengajian. Semangat untuk belajar menjadi luntur dalam semangat yang tinggi

untuk memiliki segulung ijazah. Manakala menurut Siti Aisyah (2021), tinggi minatnya untuk mempelajari agama ke peringkat tinggi, namun beliau menghadapi masalah ketika mana beliau ingin mendalami al-Quran namun tiada pembimbing yang dapat mengajarnya. Akhirnya semangat tinggi telah menyebabkan beliau kerisauan kerana tidak dapat menguasai pembacaan al-Quran.

## Cabarannya daripada Keluarga

Sebaiknya seseorang yang ingin memeluk Islam dinasihati memberitahu keluarga mereka terlebih dahulu agar keluarga mereka bersiap sedia dari segi mental untuk menerima perubahan yang akan berlaku. Saudara baru pastinya akan mengubah beberapa perkara seperti dari segi pemakanan, cara berpakaian, cara beribadah dan seumpamanya lagi. Tindakan memberitahu keluarga juga boleh mempersiapkan pendakwah mualaf untuk berhadapan dengan persoalan dan kekhawatiran kaum keluarga terhadap agama Islam. Kesan buruk pula sekiranya diberitahu terlebih dahulu mungkin boleh menyebabkan mereka dihalang dari mengucapkan syahadah dan keselamatan diri mungkin terancam Norra binti Harun, Nora binti Mat Zin & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao (2023).

Walau bagaimanapun keputusan untuk memberitahu keluarga atau tidak bergantung kepada kondisi masing-masing sama ada melibatkan aspek keselamatan atau tidak. Kenyataan ini dibuktikan oleh R1 (2022) yang mengatakan keluarga beliau terkejut bila mendapat tahu status pemelukan Islam beliau dan tidak dapat menerima berita tersebut.

Seperti yang sedia maklum terdapat banyak faktor yang mendorong pemelukan Islam di kalangan pendakwah mualaf. Dapatan satu kajian di Selangor mendapati faktor dominan pemelukan Islam adalah berkaitan faktor agama. Faktor kebenaran agama Islam telah menjadi sebab yang utama sama ada secara terus,kajian, pemerhatian, ilham atau mimpi.

Pernyataan tentang mualaf yang memeluk agama Islam adalah kerana inginkan jawatan dalam kerajaan tidak mempunyai asas yang kukuh. Seseorang yang memeluk Islam biasanya melakukan itu atas dasar keyakinan dan kepercayaan yang kuat terhadap ajaran Islam. Di Malaysia, memeluk Islam tidak memberi kelebihan khusus untuk memperoleh pekerjaan dalam kerajaan. Peluang bagi semua warga negara sama ada Islam atau bukan Islam adalah mempunyai hak yang sama untuk dipertimbangkan dalam jawatan kerajaan. Walau bagaimanapun, pendakwah mualaf biasanya akan diberi keutamaan dalam jawatan yang berkaitan bidang keagamaan seperti sukarelawan, pegawai agama dan penggerak masyarakat. Perkara inilah yang dihadapi oleh responden R4. Apa yang mualaf boleh lakukan sekiranya berhadapan dengan masalah ini adalah dengan menerangkan kepada mereka secara berhikmah tentang tujuan sebenar mereka memeluk Islam.

Merujuk Norra binti Harun, Nora binti Mat Zin & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao, 2023. Pendakwah mualaf dari suku etnik dari Sabah dan Sarawak, mereka sering menghadapi cabaran dari segi budaya apabila pulang ke kampung halaman. Contohnya dalam budaya Iban terdapat kepercayaan animisme dan kepercayaan kepada roh nenek moyang. Inilah yang berlaku kepada responden R9. Pendakwah mualaf yang baru memeluk Islam sudah menolak kepercayaan tersebut kerana ia bercanggah dengan fahaman Islam. Mereka pasti akan menerima tekanan dari keluarga dan masyarakat setempat. Ini

membawa kepada konflik dalaman serta ketegangan di kalangan ahli masyarakat tersebut. Menurut Imam Surau Nur Kasih, Kg. Sumbilingon, Ranau, Sabah Ustaz Samlin Sailiong pendakwah mualaf di Sabah turut menghadapi cabaran dibuang keluarga kerana memeluk Islam. Ini berlaku kerana penolakan dari keluarga kandung yang belum memeluk Islam. Kesannya pendakwah mualaf mengalami sedikit kesedihan dan kehilangan. Namun yang demikian, kebiasaannya pendakwah mualaf akan terus tekun menyantuni keluarga kandung sehingga keluarga mereka menerima akan pengislaman mereka.

Perkara yang sama juga berlaku kepada R22 yang mengatakan menghadapi cabaran terhadap cara untuk beradaptasi dengan proses permakaman ahli keluarga yang meninggal dunia. Oleh itu perbincangan dari hati ke hati serta negosiasi amat perlu diadakan di antara pendakwah mualaf dengan ahli keluarga dan masyarakat setempat untuk mendapat persefahaman. Pendakwah mualaf juga perlu bersedia membina hubungan yang baik dengan mereka dan menerima mana-mana aspek budaya yang tidak bercanggah dengan Islam. Oleh yang demikian, usaha dakwah akan lebih efisien dan efektif.

## **Cabaran Penyesuaian Diri sebagai Pendakwah Mualaf**

Pendakwah mualaf perlu mempelajari dan memahami ajaran Islam secara mendalam serta mempraktikkan ibadah solat, puasa dan lain-lain. Ini memerlukan usaha gigih yang berterusan. Pendakwah mualaf juga harus belajar menyesuaikan diri dengan budaya dan tradisi Islam yang mana berkait dengan makanan, pakaian dan perilaku. Mereka juga memerlukan waktu untuk membiasakan diri dengan gelaran mualaf setelah memeluk Islam. Namun yang lebih penting adalah untuk memahami peranan dan tanggung jawab di dalam komuniti Islam.

Norra binti Harun, Nora binti Mat Zin & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao, 2023. Perkara ini turut dinyatakan oleh responden R24 bila ditanya tentang cabaran penyesuaian sebagai saudara baru. Bagi responden R30 pula beliau menyatakan tentang cabaran penyesuaian adalah dari segi kefahaman Islam itu sendiri di mana jangka masa yang lebih lama diperlukan. Sokongan padu dari komuniti Muslim akan meningkatkan keupayaan pendakwah mualaf untuk belajar dan mempraktikkan ajaran Islam serta belajar menyesuaikan diri sebagai komuniti Islam seterusnya menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Pendakwah mualaf perlu bermotivasi untuk terus meningkatkan ilmu tentang Islam dan usaha menyampaikan dakwah.

Setelah seseorang mualaf memeluk Islam, maka akan wujud sesuatu perubahan dalam dirinya dan sudah pasti menzahirkan perbezaan-perbezaan dalam kehidupannya. Ini bermakna sebelum dan selepas pemelukan ke agama Islam saudara baru akan menghadapi corak dan gaya kehidupan sebagai seorang Muslim. Seseorang Muslim ia ditaklifkan dengan segala hukum syarak setelah selesai mengucap dua kalimah syahadah. Pada sebahagian mualaf yang baru memeluk Islam, segelintir masyarakat Melayu Muslim memberi bimbingan utama dengan mengubah cara kehidupan mualaf. Misalnya, menyediakan pakaian baju kurung bagi mualaf wanita, mengajar memakai kain sarong, mendidik makan dengan tangan, tidak boleh makan dengan menggunakan sepit, memakai jubah dan serban, tidak perlu ziarah atau menyambut perayaan seperti Tahun Baru Cina. Dengan situasi sebegini jelas masyarakat tidak cuba memahami bahawa kemungkinan wujudnya sensitiviti di kalangan mualaf kerana perlu

mengubah segala cara dan gaya kehidupannya selama ini yang mana perbuatan dan pemakaian tersebut tidak bertentangan dengan tuntutan agama.

Ketika pengkaji berkesempatan menemubual Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia) pada 15 Ogos 2008 yang lalu, beliau memberikan pandangan bahawa mualaf juga berperanan dalam kehidupan sosial masyarakat dalam mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta terus meneruskan hubungan baik kekeluargaan antara diri mereka dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain.

Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, mualaf boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam. Pengkaji mendapat dorongan, nasihat dan motivasi daripada beliau setelah sekian lama tenggelam dengan perasaan takut dan khuatir untuk pulang menziarahi kedua ibu bapa yang belum Islam. Dengan kata-kata nasihat berunsur dakwah dan sokongannya, pengkaji dapat pulang menziarahi keluarga kandung dan mereka begitu positif menerima kembali pengkaji yang pernah mereka tidak mengaku anak sebelum ini.

Cabarai penyesuaian diri mualaf ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Setiausaha Agung Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tuan Haji Yaakob Lazim yang dipetik dari majalah Al-Islam keluaran Januari 1994. Beliau mengulas: "Perasaan tidak selesa saudara-saudara baru di kalangan masyarakat Islam, khususnya orang Melayu mungkin disebabkan sikap orang Melayu sendiri. Ramai orang kita tidak melihat kesejagat Islam. Kita terlalu menghubungkan diri (associate) dengan Islam, sehingga ada yang merasakan saudara-saudara baru yang tidak mengamalkan budaya Melayu diragui keislamannya." Tambah beliau lagi kurangnya kefahaman mengenai kesejagat Islam di kalangan masyarakat Islam negara ini telah menimbulkan salah faham di kalangan mualaf serta orang bukan Islam.

Ulama feqah yang melihat sesuatu dari sudut hukum hakam dan menekankannya secara mendadak kepada mualaf, namun ulama dakwah mengutamakan soal keyakinan sehingga mereka sendiri merasakan mereka patut meninggalkan larangan Islam tanpa paksaan. Pendakwah terkenal Hussein Yee (2023) yang turut memberikan pandangan dalam hal ini bahawa ketidakmampuan masyarakat Islam membezakan budaya dengan agama membuktikan sempitnya kefahaman mereka terhadap agama sendiri dan boleh menimbulkan fitnah terhadap Islam. Beliau menasihati masyarakat Islam khususnya orang Melayu perlu bersikap terbuka dan sedia berkongsi Islam bersama masyarakat bukan Islam yang berpotensi menjadi saudara baru dalam usaha melahirkan pendakwah mualaf yang cemerlang.

Oleh yang demikian, situasi ini benar-benar menimbulkan persoalan dalam minda pendakwah mualaf dan pastinya mengecewakan mereka sekiranya perkara ini berterusan tidak mustahil akan wujud pertikaian dalam kalangan mualaf akan keutamaan dalam memberi didikan selepas mereka memeluk Islam. Persoalan yang sering timbul adalah " keluarga angkat tidak mengajar cara solat, cara berwuduk dan bacaan al-Quran ", sebaliknya perkara yang tidak sepatutnya diutamakan dilakukan. Tekanan penyesuaian kendiri pendakwah mualaf yang berterusan akan memberi kesan negatif dalam pemantapan akidah mereka dan seterusnya kepada penghayatan agama apatah dalam lapangan dakwah yang mana mereka mempunyai

potensi untuk menyampaikan risalah Islamiah kepada keluarganya dan masyarakat.

## Cabaran Rujukan Modul Khas Fardu Ain dan Metodologi Dakwah Pendakwah Mualaf

Kajian daripada Norra binti Harun, Nora binti Mat Zin & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao 92023) mendapati seramai 21 responden dari total 33 orang telah menyatakan perlu diwujudkan satu modul yang khusus untuk pendakwah mualaf seperti modul fardu ain serta feqah serta pendekatan dakwah pendakwah mualaf. Mualaf menghadapi kesulitan untuk menambahkan ilmu tentang Islam kerana kesukaran untuk mendapat modul yang sesuai sebagai rujukan golongan mualaf ini. Modul bersifat sebagai bahan rujukan yang dapat membimbing golongan pendakwah mualaf.

Antara modul yang sangat diperlukan adalah modul fardu ain (solat), pengkaderan mualaf serta pra dan pasca perkahwinan mualaf. Modul yang dibuat ini boleh digunakan di setiap negeri di Malaysia. Perlunya diwujudkan modul pra dan pasca perkahwinan kerana modul orang asal Islam adalah berbeza dari golongan mualaf. Penguasaan kefahaman serta ilmu pengetahuan tentang Islam adalah berbeza-beza bagi setiap mualaf.

## Kesimpulan

Pelbagai cabaran akan dihadapi oleh pendakwah mualaf dalam usaha menegakkan nilai Islam dalam diri mereka sendiri dan juga dalam golongan *mad'u* mereka. Implikasi dari cabaran-cabaran ini sekiranya tidak ditangani dengan baik menyebabkan pendakwah mualaf ini hilang motivasi hidup untuk membimbing dirinya sendiri mahupun orang lain. Oleh itu, umat Islam perlu sama-sama memberi sokongan dan bantuan yang sewajarnya kerana usaha berterusan pendakwah mualaf akan dapat membantu mendekatkan lagi seseorang insan dengan pencipta.

## Rujukan

- Anuar Puteh. 2008. *Bimbangan al-Quran saudara baru di Lembah Klang*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arnold. 1970. *al-Dakwah ila al-Islam*. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Fariza Md Sham, Anuar Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao. 2008. Cabaran saudara kita: kajian dari aspek psikologi. Kertas kerja *Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah*. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Malaysia, 24 Januari.
- Firdaus Toh. 2020. Cabaran Pendakwah Mualaf. Temu bual atas talian. 10 Dis
- Ku Md Ali Ku Ramli. 1997. Dakwah kepada saudara baru: Satu kajian mengenai pendekatan dalam aspek bimbingan dan kebajikan. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norra Harun, Nora Mat Zin & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, 2023.

Cabaran Psikologi Pendakwah Mualaf di Malaysia di Malaysia. Kertas kerja Bicara Dakwah kali ke-24. Anjuran Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22 Jun.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan, "Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur", (Disertasi Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 2007).

Nur Ain Abdullah. 2008. Cabaran Pendakwah Mualaf. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temu bual, 10 Ogos.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Dr. Faudzinaim Hj. Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). 2005. Masa depan saudara baru: Harapan, realiti dan cabaran. Bangi:, Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samlin Sailiong. 2023. Cabaran Pendakwah Mualaf. Surau Nur Kasih, Kg. Sumbilingon, Ranau, Sabah. Temu bual, 6 Oktober.

Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin. 2008. Kaedah Menyantuni Keluarga Mualaf. Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temu bual, 15 Ogos.